



## 50 penduduk terima latihan kecemasan banjir

Safuri Kamarudin

November 13, 2022 @ 11:55am

Baling: Seramai 50 penduduk Kampung Iboi di sini, menerima latihan asas menyelamatkan di air daripada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) di Empangan Tasik Beris, Sik, baru-baru ini .

Pegawai APM Daerah Baling, Leftenan (PA) Mohd Faizol Ab Aziz, berkata penduduk turut diberi pendedahan dan taklimat kesiapsiagaan serta latihan merangkumi 'water confident' (keyakinan ketika berada dalam air), menyelamatkan di air dan pengendalian bot.

Beliau berkata, penduduk di Kampung Iboi dan Padang Empang, Kupang dan kampung berdekatan terdedah dengan banjir yang melanda penempatan mereka dengan kerap selepas tragedi kepala air, 4 Julai lalu.

"Jadi APM mengambil inisiatif untuk melatih penduduk menjalani latihan asas berkaitan menyelamatkan di air bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dalam pengurusan menyelamatkan ketika banjir .

Beliau berkata, mereka boleh membuat bantuan awal dengan kemahiran yang ada sebelum bantuan tiba.

Seorang penduduk, Abdul Malik Arshad, 59, dari Kampung Iboi, berkata latihan asas itu memberi faedah kepada peserta yang mengikutinya.

Beliau berkata, banyak ilmu yang diperolehi dan akan dimanfaatkan sekiranya berlaku banjir.

"Banyak ilmu yang diperolehi dan mampu mengendali bot sekiranya berlaku banjir dan dapat membantu mangsa," katanya

Sementara itu, Setiausaha Jawatankuasa Pembangunan Komuniti Kampung (JPKK) Iboi, Nor Mohamad Hussain, 59, berkata latihan yang dianjurkan oleh APM memberi ilmu kemahiran kepada penduduk kampung.

Beliau berkata, bayangkan penduduk kampung ini terdedah dengan banjir sebanyak sepuluh kali dalam tempoh empat bulan.

"Banyak harta benda yang rosak dan kehilangan tempat tinggal. Dengan latihan asas menyelamatkan penduduk dapat memanfaatkan segala ilmu yang diberikan," katanya.

Dalam pada itu, Kampung Iboi turut menerima sumbangan bot daripada Civil Defence Emergency Response Team (CDERT) Al Najah semalam.

Serahan dilakukan oleh Komandan CDERT, Profesor Datuk Seri Ahamad Musa So kepada kepada Penolong Pegawai Daerah Baling (Kewangan dan Pentadbiran) Kapten Bersekutu (PA) Nafishah Md Sharif.

Turut hadir, Timbalan Pengarah APM Kedah, Mejar (PA) Mohd Muaz Mohd Yusoff.

Ahamad Musa berkata, bot ini diserahkan kepada penduduk kampung Iboi adalah bagi kegunaan mereka ketika keadaan kecemasan.

Katanya, bot fiber ini lengkap dengan enjin Mercury 9.9 kuasa kuda, dua pendayung dan 10 jaket keselamatan.

"Selain itu, Kampung Iboi juga dijadikan kampung anak angkat CDERT Al Najah," katanya.